

PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP MENGGUNAKAN MSWORD

(saiz tulisan=12; langkau=satu [satu baris])

(Tajuk dalam Bahasa Inggeris dan sebaliknya)

(saiz=10; langkau=satu)

NAMA PENUH PENULIS PERTAMA, KEDUA* & KETIGA (saiz=10; langkau=satu)

(Langkau satu baris, iaitu mengikut format: langkau=satu)

ABSTRAK (saiz=10; langkau=satu)

Abstrak perlu meringkaskan konteks, isi kandungan dan kesimpulan makalah dalam kurang daripada 250 patah perkataan. Ia seelok-eloknya tidak mengandungi petikan dari rujukan atau paparan persamaan. Abstrak perlu ditulis menggunakan tulisan Times New Roman bersaiz 10 poin dengan langkau satu baris dan ensotan 0.63 cm di kiri dan kanan jidar. (saiz=10; langkau=satu)

Kata kunci: kata kunci1; kata kunci2; kata kunci3 (saiz=10; langkau=satu)

(Langkau satu baris: saiz=10; langkau=satu)

ABSTRACT² (saiz=10; langkau=satu)

Abstrak perlu ditulis dalam kedua-dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Makalah boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris .

(saiz=10; langkau=satu)

Keywords: keyword1; keyword2; keyword3 (saiz=10; langkau=satu)

(Langkau satu baris, iaitu mengikut format: langkau=satu)

1. Teks Utama (saiz=11; langkau=satu)

Penulis digalakkan untuk menyemak tatabahasa makalah masing-masing. Penggunaan Bahasa Inggeris mengikut piawai British. Penggunaan singkatan adalah dibenarkan tetapi haruslah dieja penuh terlebih dahulu apabila pertama kali digunakan. Penggunaan bahasa asing hendaklah diitalikkan (cth: Bahasa Latin, Bahasa Perancis). (Ensotan: tiada; teks: saiz=11; langkau=satu)

Teks perlu ditaip menggunakan fon Times New Roman bersaiz 11 pt dengan langkau satu baris. Teks hendaklah disediakan mengikut saiz A4 (21 cm × 29.7 cm) dengan 3.81 cm di atas, 3.50cm di bawah, dan 3.17 cm di kiri dan kanan jidar. Pengepala dan pengekor hendaklah disediakan pada 2.3 cm dan 2.2 cm dari tepi masing-masing dengan pengesetan yang berbeza sama ada muka surat genap mahupun ganjil. Perenggan pertama tidak menggunakan ensotan tetapi digunakan pada perenggan berikutnya sebanyak 0.5 cm. Pengeditan terakhir seperti muka surat dan tajuk akan dilakukan oleh penerbit. Penulis diminta untuk menyerahkan fail sumber data termasuklah fail postskrip dengan rajah atau gambar melalui mel-e. (Ensotan: saiz=11; baris pertama=0.5cm; teks; langkau=satu)

Untuk tajuk, elakkan melebihi 3 baris. Setkan tajuk menggunakan Times New Roman 12 poin, berhuruf besar dan tebal seperti yang diberi dalam panduan ini.

Teks berwarna adalah panduan untuk menformat. Penulis digalakkan menformat manuskrip mereka mengikut format jurnal untuk mempercepatkan proses penerbitan. Manuskrip mestilah ditulis menggunakan fon Times New Roman.

Tajuk sekadar sebaris, italic dan saiz fon 9 poin

2. Tajuk Utama (saiz=11; langkau=satu baris)

Tajuk utama perlu ditaip dengan menggunakan huruf **tebal** dan huruf pertama bagi setiap perkataan yang penting menggunakan huruf besar.

(teks: saiz=11; langkau=satu baris)

2.1. Sub-tajuk (saiz=11; langkau=satu baris)

Sub-tajuk perlu ditaip dengan huruf tebal italic dan hanya huruf pertama pada perkataan pertama yang perlu ditulis dengan huruf besar. Penomboran seksyen menggunakan tulisan Times New Roman berhuruf tebal.

(teks: saiz=11; langkau=satu baris)

2.1.1. Sub-sub Tajuk (saiz=11; langkau=satu)

Penulisan sub-subtajuk menggunakan huruf italic dan hanya huruf pertama pada perkataan pertama yang perlu ditulis dengan huruf besar. Penomboran seksyen menggunakan tulisan Times New Roman berhuruf tebal yang medium seperti di atas. Pastikan titik dimasukkan selepas penomboran dan hanya satu langkau sebelum teks.

(teks: saiz=11; langkau=satu baris).

2.2. Penomboran dan Langkau (saiz=11; langkau= satu baris)

Seksyen, sub-seksyen dan sub-subseksyen menggunakan penomboran Arab.

2.3. Senarai Item (saiz=11; langkau= satu baris)

Senarai item boleh ditaip dengan setiap item ditandakan secara bullet ataupun nombor.

Item Bullet (saiz=11; langkau= satu baris)

- item satu
- item dua
- item tiga (teks: saiz=11; langkau= satu baris)

Item Bernombor (saiz=11; langkau= satu baris)

- (1) item satu
- (2) item dua
- (3) item tiga. (teks: saiz=11; langkau= satu baris)

Susunan sub-bahagian bagi item yang dibulletkan atau dinomborkan boleh dibuat seperti berikut:

Item Bullet (saiz=11; langkau=satu)

- Item pertama pada aras pertama
- Item kedua pada aras pertama
 - Item pertama pada aras kedua
 - Item kedua pada aras kedua
 - Item pertama pada aras ketiga
 - Item kedua pada aras ketiga

- Item ketiga pada aras kedua
- Item keempat pada aras kedua
- Item ketiga pada aras pertama
- Item keempat pada aras pertama

Item Bernombor (saiz=11; langkau=satu)

- (1) Item pertama pada aras pertama
- (2) Item kedua pada aras pertama
 - (i) Item pertama pada aras kedua
 - (ii) Item kedua pada aras kedua
 - a. Item pertama pada aras ketiga
 - b. Item kedua pada aras ketiga
 - (iii) Item ketiga pada aras kedua
 - (iv) Item keempat pada aras kedua
- (3) Item ketiga pada aras pertama

3. Persamaan (saiz=11; langkau=satu)

Persamaan yang terdapat dalam makalah hendaklah dinomborkan secara berturutan, terutamanya persamaan yang perlu dirujuk. Ia ditulis selepas tab pertama teks (1 cm ke dalam) dengan nombornya dalam kurungan dan disetkan santak kanan seperti di bawah:

$$\operatorname{Re}\left\{\frac{2zf'(z)}{f(z)-f(-z)}\right\} > 0, \quad (z \in D). \quad (1)$$

(Langkau satu baris sebelum dan selepas persamaan)

Persamaan perlu dirujuk dalam bentuk singkatan, seperti dari (1), (2), Sekiranya mempunyai persamaan lebih daripada sebaris, nombor diletakkan di tengah-tengah seperti di atas.

Persamaan hendaklah ditaip menggunakan perisian suntingan seperti MathType atau Microsoft Equation Editor. Sekiranya terdapat penggunaan abjad sebagai simbol matematik seperti x , ia hendaklah diitalikkan seperti x . Noktah perlu diletakkan di hujung persamaan sekiranya ia adalah penghujung untuk suatu ayat. (teks: saiz=11; langkau=satu)

4. Definisi dan Teorem (saiz=11; langkau=satu)

Definisi, teorem, lema, korolari dan lain-lain perlu diletakkan pada perenggan berasingan dengan langkau satu baris di bahagian atas dan bawah. Ia perlu dinomborkan secara berturutan. (teks: saiz=11; langkau=satu)

Definisi 4.1. Definisi perlu diletakkan pada perenggan berasingan dengan langkau satu baris di bahagian atas dan bawah. Definisi tidak perlu diitalikkan tetapi penjelasan istilah hendaklah diitalikkan. (teks: saiz=11; langkau=satu)

Lema 4.2. Lema perlu diletakkan pada perenggan berasingan dengan langkau satu baris di bahagian atas dan bawah. Ia perlu dinomborkan secara berturutan dan diitalikkan.

Teorem 4.3. *Teorem perlu diletakkan pada perenggan berasingan dengan langkau satu baris di bahagian atas dan bawah. Ia perlu dinomborkan secara berturutan dan diitalikkan.*


Pembuktian. Pembuktian perlu diakhiri dengan '□'.

5. Ilustrasi dan Gambar (saiz=11; langkau=satu)

Rajah perlu dimasukkan ke dalam teks dan paling hampir dengan rujukan pertama. Rajah tersebut boleh diletakkan sama ada di sebelah atas atau bawah. Lukisan asal dicetak pada kertas dengan permukaan yang licin. Sertakan sekali satu salinan asal lukisan tersebut. Jika penulis memerlukan penerbit untuk mengurangkan saiz rajah, pastikan rajah (termasuk huruf dan nombor) adalah cukup besar untuk dilihat selepas pengurangan saiz. Sekiranya menggunakan gambar foto, gambar hitam putih sahaja dibenarkan.

Rajah dinomborkan berturutan dengan menggunakan angka Arab. Tajuk rajah hendaklah diletakkan di bawah rajah tersebut. Penulisan tajuk menggunakan fon Times New Roman bersaiz 9 poin dengan langkau garis dasar satu baris. Keterangan yang panjang perlu disejajarkan. Langkau dua baris di antara keterangan gambar dan teks yang berikutnya, cth. Rajah 1.

Bahan yang telah diterbitkan sebelum ini perlu disertakan sekali dengan kebenaran bertulis daripada pihak penulis dan penerbit yang berkenaan.



Rajah 1: Model Kepuasan Pelanggan Kano (saiz=9; langkau=satu)

6. Jadual (saiz=11; langkau=satu)

Jadual perlu dimasukkan sehampir mungkin dengan rujukannya. Gunakan langkau dua baris sebelum dan selepas jadual dan teks utama seperti pada Jadual 1.

Tajuk sekadar sebaris, *italic dan saiz fon 9 poin*

Jadual di dalam teks perlu dinomborkan berturutan menggunakan angka Arab. Keterangan jadual perlu diletakkan tengah-tengah di sebelah atas jadual. Penulisan jadual dan keterangan hendaklah menggunakan tulisan Times New Roman bersaiz 9 poin dengan langkau garis dasar satu baris. Keterangan yang panjang hendaklah disejajarkan.

Jika jadual perlu dibawa ke muka surat ke dua, sambungan tersebut perlu dijelaskan oleh keterangan seperti “*Jadual 1 (Sambungan)*”. Huraian mengenai jadual diletakkan di bawah baris terakhir bagi jadual tersebut dan dimulakan pada sebelah kiri. Nota kaki pada jadual hendaklah ditunjukkan dengan huruf kecil superskrip dan diletakkan di bawah jadual.

Jadual 1: Ikhtisar bagi setiap kriterium yang digunakan untuk pembinaan indeks
(saiz=9; langkau=satu)

Ikhtisar	Kereta	Motorsikal	Radio	Telefon	Televisyen	Video	Mesin Basuh	Penghawa dingin
Minimum	11.70	31.20	20.70	2.50	40.50	10.00	3.80	0.30
Maksimum	57.20	87.50	80.80	66.40	89.00	54.00	61.30	18.30
Banjaran	45.50	56.30	60.10	63.90	48.50	44.00	57.50	18.00
Purata	27.03	57.57	55.12	23.64	77.92	29.73	23.85	4.15
Sisihan Piawai	10.06	10.44	16.21	15.93	10.61	11.40	14.53	3.08
Entropi	0.460	0.550	0.643	0.605	0.409	0.535	0.591	0.465
Pemberat	0.132	0.111	0.088	0.097	0.146	0.115	0.101	0.210

^aNota kaki diletakkan di sini, penjajaran di sebelah kiri. (saiz=9; langkau=satu)

5. Nota kaki

Nota kaki perlu dinomborkan secara berturutan menggunakan huruf kecil superskrip Roman.^a

Penghargaan (saiz=11; langkau=satu)

Bahagian ini perlu didahulukan sebelum Rujukan. Maklumat tentang pembiayaan penyelidikan juga boleh dimasukkan di bahagian ini.

Apendiks A. Apendiks (saiz=11; langkau=satu)

Apendiks hanya digunakan apabila sangat diperlukan sahaja. Apendiks boleh diletakkan selepas Rujukan. Jika terdapat lebih daripada satu apendiks, ia hendaklah dinomborkan menggunakan abjad. Penomboran pada persamaan dalam Apendiks perlu dilakukan seperti (A.1), (A.2) dan seterusnya.

$$\hat{f}(u) = \begin{cases} n^{-1}(\xi_i - \xi_{i-1})^{-1}, & u \in [\xi_{i-1}, \xi_i) \ i = 2, \dots, n-1 \\ \lambda_1 n^{-1} \exp[\lambda_1(u - \xi_1)], & u \in (-\infty, \xi_1) \\ \lambda_n n^{-1} \exp[-\lambda_n(u - \xi_{n-1})], & u \in (\xi_{n-1}, \infty) \end{cases} \quad (\text{A.1})$$

^a Penulisan nota kaki menggunakan fon Times New Roman 8 poin di hujung muka surat.

Rujukan (saiz=11; langkau=satu)

Bahagian rujukan perlu dilabel Rujukan dan diletakkan di hujung makalah. Penulis hendaklah mengikut format yang konsisten untuk kemasukan rujukan. Untuk nama jurnal, gunakan singkatan piawai. Contoh format penulisan rujukan disertakan di hujung panduan ini.

Petikan dalam Teks

Oleh kerana rujukan tidak dinomborkan, sitasi atau petikan rujukan di dalam teks perlu mengandungi nama penulis dan tahun diterbitkan. Ia perlu diletakkan di dalam kurungan dengan memasukkan nama (keluarga) bagi penulis dan tahun diterbitkan, cth. Shahrir (2000) atau (Shahrir 2000). Bagi makalah yang mempunyai dua orang penulis, nama penulis kedua digabungkan dengan menggunakan "&", cth. (Maslina & Thomas 2000). Sekiranya makalah dengan tiga atau lebih penulis, hendaklah menggunakan nama (keluarga) penulis pertama dan diikuti dengan *et al.*, dan tahun (perhatikan bahawa *et al.* ditulis secara *italic* dan tahun ditulis selepas singkatan *al.*).

Rujukan secara umumnya ditulis dalam kurungan melainkan nama penulis adalah sebahagian daripada ayat seperti "model-a (Abdul Aziz *et al.* 2001)", dan "menurut Abdul Aziz *et al.* (2001)." Sekiranya suatu sedutan itu memetik lebih daripada dua makalah, ia perlu diasingkan menggunakan semi kolon : (Zaidi & Othman 2001; Abdul Razak 2002). Sekiranya dua atau pun lebih makalah daripada penulis yang sama dirujuk, penulis hanya perlu disenaraikan sekali sahaja dengan tahun diasingkan menggunakan semikolon: (Mohd Salmi 2003; 2000). Makalah dengan penulis yang sama dan diterbitkan pada tahun yang sama perlu diasingkan dengan meletakkan huruf a, b, c, dan seterusnya, kepada tahun diterbitkan, cth. (Hashim & Wilson 1999a; 1999b).

Senarai Rujukan

Kemasukan rujukan hendaklah disusun mengikut abjad. Apabila nama penuh penulis bagi bahan rujukan diketahui, penulis hendaklah mengikut konvensi berikut (lihat contoh senarai rujukan disertakan di muka surat berikutnya): senarai kemasukan hendaklah bermula dengan nama (keluarga) penulis pertama, diikuti dengan singkatan nama penulis pertama, dan begitulah seterusnya untuk penulis-penulis tambahan. Cth. Freund J.E. Jika wujud *keraguan*, adalah dinasihatkan menggunakan konvensi nama keluarga didahulukan. Koma tidak digunakan selepas nama keluarga. Adalah penting untuk difahami bahawa sesetengah bangsa tidak menggunakan nama keluarga, misalnya orang Melayu, Arab dan India. Dalam keadaan sedemikian, guna nama penulis yang sesuai (biasanya nama pertama), diikuti dengan singkatan nama penulis pertama, dan begitulah seterusnya untuk penulis-penulis tambahan. Contohnya Abdul Aziz J., Lukman Z.M. & Wan Norsiah M. Sila perhatikan senarai contoh rujukan yang diberikan di bawah.

Untuk rujukan bagi penulis yang sama ada seorang atau pun berkumpulan, susunan kemasukan rujukan tersebut perlu dibuat mengikut kronologi, manakala rujukan-rujukan dengan tahun yang sama (termasuk rujukan dengan tiga penulis yang dirujuk di dalam teks ditulis sebagai "*et al.*") perlu dibezakan dengan meletakkan huruf kecil yang berjujukan berdasarkan tahun; cth. Hashim & Wilson (1999a); Hashim & Wilson (1999b).

Penulisan senarai rujukan menggunakan tulisan Times New Roman bersaiz 9 poin dengan langkau garis dasar satu baris. Akhir sekali, sudahi makalah dengan alamat para penulis secara kronologi. Satu asterisk hendaklah diletakkan bersebelahan dengan penulis untuk surat-menyurat. Sila lihat contoh di bawah.

(Langkau satu baris: format: langkau=satu)

Rujukan (saiz=10; langkau=satu)

- Abdul Aziz J., Lukman Z.M. & Wan Norsiah M. (pnyt.). 2001. *Jaminan Sosial Warga Tua*. Kuala Lumpur: Prentice Hall. (saiz=9; hanging=0.6cm; langkau=EXACT 11)
- Abdul Razak S. 2001. Unsur matematik dalam persuratan Melayu lama. *Makalah Jemputan*. One-day Seminar on History and Mathematical Philosophy I. University Putra Malaysia, 2 Februari 2001.
- Cameron K.S. & Barnett C.K. 1999. Organizational quality as a cultural variable: An empirical investigation of quality culture, processes and outcomes. Dlm. Cole R.E. & Scott W.R. (pnyt.). *The Quality Movement and Organization Theory*, pp. 271-294. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Colgate M. & Lang B. 2001. Switching barriers in consumer markets: An investigation of the financial services industry. *Journal of Consumer Marketing* 18(4): 332-347.
- Hair J. F., Anderson R. E., Tatham R. L. & Black W. C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hashim I. & Wilson S.K. 1999a. The effect of a uniform vertical magnetic field on the onset of oscillatory Marangoni convection in a horizontal layer of conducting fluid. *Int. J. Heat & Mass Transfer* 42(3): 525-533.
- Hashim I. & Wilson S.K. 1999b. The onset of oscillatory Marangoni convection in a semi-infinitely deep layer of fluid. *Z. angew. Math. Phys. (ZAMP)* 50(4): 546-558.
- ITS Statistical Support. 2001. Equation modeling using AMOS: an introduction. <http://www.utexas.edu/its/rc/tutorials/stat/amos/> (20 September 2004).
- Johnson R.A. & Wichern D.W. 2002. *Applied Multivariate Statistical Analysis*. Ed. ke-5. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Kamarulzaman I. & Abdul Aziz J. 1997. On an application of sequential Bayesian techniques for estimating the fatality rate of dengue in Malaysia. *Sains Malaysiana* 26: 25-30.
- Kilibarda V. 1994. On the algebra of semigroup diagram. PhD. Thesis. University of Nebraska.
- Liong C.Y., Wan Rosmanira I., Omar K. & Zirour M. 2008. Vehicle routing problem: Models and solutions. *Journal of Quality Measurement and Analysis* 4(1): 205-218.
- Maslina D. & Thomas D.K. 2000. The Fekete-Szego theorem for strongly close-to-convex functions. *Scientiae Mathematicae* 3(2): 201-212.
- Mills E.S. 1971. The value of urban land. Dlm. Perloff H.S. (pnyt.). *The Quality of the Urban Environment*, pp. 1-37. New York: John Wiley.
- Mohd Salmi M.N. 2003. Closed orbits of (g, τ)-extension of ergodic toral automorphisms. *Int. J. Math. & Math. Sci.* 2003. 17: 1047-1053.
- Parasuraman A., Zeithaml V.A. & Berry L.L. 1998. SERVQUAL: A multiple-item scale for measuring consumer perceptions of service quality. *Journal of Retailing* 64(1): 12-40.
- Rigdon E. 1996. The form of structural equation models. <http://www.gsu.edu/~mkteer/sem2.html> (15 April 2004).
- Ravichandran V., Gangadharan A. & Darus M. 2004. On Fekete-Szego inequality for certain class of Bazilevic functions. *Far East J. of Math. Sc. (FJMS)*. Akan diterbitkan.
- Shaharir M.Z. 1998. A review of Islamic socio-scientific order and world system by Mahmud Alam Choudry. *Muslim Education Quarterly* 16(1): 83-87.
- Shaharir M.Z. 2002. *Fungsi Matematik Teritlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Specht D. F. 1988. Probability neural networks for classification, mapping or associative memory. Dlm. *Proc. IEEE International Conference on Neural Networks*, pp. 525 - 532.
- Zaidi I. & Othman Y. 2001. Initial performance of new issues of shares in Malaysia. *Proceedings of the Malaysian Finance Association*. 3rd Annual Symposium in IIUM, Kuala Lumpur.

(Langkau tiga baris)

Pusat Pengajian (saiz=10; langkau=satu)

Nama Universiti

Alama,

Bandar

Negeri ZIP/Zon, NEGARA

Mel-e: *penulis_pertama@nama_domain*

Pusat Pengajian

Nama Universiti

Alamat

Bandar

Negeri ZIP/Zon, NEGARA

Mel-e: *penulis_kedua@nama_domain**

Tajuk sekadar sebaris, italic dan saiz fon 9 poin

Contohnya (bagi contoh ini, semua penulis adalah dari institusi yang sama):

*Program Statistik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor DE, MALAYSIA
Mel-e: lg@ukm.edu.my, zalina99@ukm.edu.my*, jqma@ukm.edu.my*

*Penulis untuk dihubungi